

**PM Mahui Kempen Pilihan Raya Yang Sihat Selepas Letupan Bom
Bernama
24 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa semua pihak, termasuk parti politik, memastikan kempen Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) dijalankan secara sihat susulan kejadian letupan bom dalam tempoh 24 jam.

Satu letupan berlaku dekat bilik operasi pilihan raya BN Nibong Tebal Pulau Pinang semalam menyebabkan seorang lelaki cedera di kaki, dan Rabu pagi dua bom petrol menyebabkan bilik operasi BN di Sekinchan Selangor terbakar.

Polis yang menemui dua peranti bom buatan sendiri di tempat kejadian, percaya insiden di Nibong Tebal itu bertujuan mencetuskan ketegangan di negeri itu.

"Parti-parti politik yang bertanding kerusi parlimen dan negeri patut bertanding secara sihat selari dengan amalan demokrasi," kata Najib pada hari kedua lawatan padatnya ke Sabah.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta polis segera menahan mereka yang terlibat kerana pengundi mungkin bimbang untuk keluar mengundi atau keluar mendengar ceramah parti-parti politik.

Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar pula mengarahkan polis meningkatkan pemeriksaan dan kawalan di lokasi ceramah bagi mengelak kejadian itu berulang.

"Semua parti politik diingatkan supaya memberikan kerjasama dan memohon permit ceramah daripada ketua polis daerah masing-masing supaya polis dapat membuat persiapan awal bagi memastikan keselamatan semua," katanya selepas memantau persiapan di ibu pejabat polis kontinjen Perak.

Najib yang juga pengerusi BN, berjunjung ke Sabah semalam untuk lawatan kedua dalam tempoh dua minggu, untuk menemui masyarakat tempatan, termasuk Cina, Kadazandusun, Murut dan Bajau di pantai barat dan kawasan pedalaman tanah tinggi selepas melancarkan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) di Lahad Datu pada 13 April.

Beliau melancarkan manifesto tambahan yang menggariskan pelan pembangunan di Tenom, dengan memberi jaminan kepada penduduk Sabah bahawa kerajaan BN akan memenuhi janji-janjinya.

Najib juga mengulangi bahawa kerajaan BN akan melakukan apa sahaja bagi melindungi keamanan dan kedaulatan negara susulan pencerobohan penganas di Lahad Datu.

"Komitmen BN boleh dilihat menerusi keputusan dan tindakan yang diambil," katanya selepas menghadiri perhimpunan di Kompleks Sukan Keningau.

Najib yang meneraju BN buat pertama kali pada PRU13 ini sebagai perdana menteri, memuji Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Joseph Pairin Kitingan kerana pendekatan mengutamakan rakyat dan menggesa komuniti tempatan menyokong calon BN termasuk Pairin, yang mempertahankan kerusi parlimen Keningau dan kerusi DUN Tambunan.

Perdana Menteri yakin penduduk Sabah akan terus menyokong BN.

Bercakap pada sidang media , Najib berkata pembangkang DAP perlu menjelaskan pendiriannya mengenai undang-undang hudud supaya rakyat tidak keliru.

Timbalan Mursyidul Am PAS Datuk Dr Haron Din berkata undang-undang hudud akan dilaksanakan jika pembangkang membentuk kerajaan persekutuan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944897>